

55 pelajar UPMKB dapatkan ilmu Praktis Kerja Sosial

BINTULU: Seramai 55 pelajar Diploma Pembangunan Manusia Semester 2 2023/2024 Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menyertai program sesi perkongsian Praktis Kerja Sosial dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan, jemputan yang menyampaikan perkongsian tersebut adalah Pegawai Kebajikan Masya-

rakat, Catherine Machop.

"Perkongsian ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan ilmu berkaitan praktis kerja sosial serta perkhidmatan yang dilaksanakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Semoga semua pelajar yang menghadiri sesi ini dapat menambah pengetahuan masing-masing berkenaan praktis kerja sosial," kata kenyataan itu.



UNTUK ALBUM... Catherine Machop dan pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains UPMKB, Dr. Yasmin Yaacob merakam gambar bersama para pelajar pada program sesi perkongsian Praktis Kerja Sosial.